MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BILANGAN 1/2020

Bilangan	:	1/2020
Tarikh	:	17 Mac 2020
Masa	:	3.00 Petang
Tempat	:	Bilik Tun Seri Nara Di Raja, Aras 4, Blok Bentara, Seri Negeri, Ayer Keroh, MELAKA

Kehadiran Pihak Pegawai:

1.	Datuk Hanafi bin Sakri	- Pegawai Kewangan Negeri **(Pengerusi Pihak Pegawai)**
2.	Puan Sabrina binti Thalas	- Timbalan Pegawai Kewangan **(Ahli Pihak Pegawai)**
3.	Cik Norifah binti Nordin	- Bendahari Negeri **(Ahli Pihak Pegawai)**
4.	Cik Puhnitha Devi A/P Durairaju	- Ketua Penolong Pegawai Negeri **(Ahli Pihak Pegawai)**
5.	Puan Azliana binti Mohamd Amin	- Penolong Pegawai Tadbir **Urusetia**
6.	Puan Adni Fatem binti Abd Malik	- Pegawai Tadbir **Setiausaha**

Kehadiran Pihak Pekerja:

1.	Encik Mohd Fadzlezam bin Sulaiman	- Pengerusi Pihak Pekerja
2.	Puan Norhassanah binti Mohammad	- Setiausaha Pihak Pekerja

3. Puan Norhaslina binti Abu Hasan - Ahli Pihak Pekerja

4. Encik Mohd Najib bin Buang - Ahli Pihak Pekerja

5. Cik Norfaizah binti Hassan - Ahli Pihak Pekerja

Tidak Hadir Dengan Maaf:

1. Puan Noor Baizura binti Hj. Kamis - Ahli Pihak Pekerja

2. Puan Noor Syarafina binti Mohd Hiddir - Ahli Pihak Pekerja

3. Puan Nur Wahida binti Ramly - Ahli Pihak Pekerja

1. PERUTUSAN PENGERUSI

1.1 Pengerusi MBJ JKPNM mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 1/2020.

1.2 Pengerusi memaklumkan bahawa melalui mesyuarat MBJ ini dapat memperoleh kerjasama di antara pihak pengurusan dan pihak pegawai/ kakitangan Jabatan bagi melicinkan proses kerja serta kebajikan semua secara keseluruhannya.

1.3 Pengerusi juga berharap agar warga kerja JKPNM menggunakan MBJ sebagai platform utama dalam menyumbang idea dan pendapat yang membina untuk pembangunan organisasi amnya.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL. 4/2019

Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bilangan 4/2019 bertarikh 26 Disember 2019 disahkan tanpa pindaan.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Pengecualian Bayaran Pelekat Kenderaan RM50.00 Kepada Kakitangan Yang Bekerja Di Kompleks Seri Negeri

3.1.1 Mesyuarat mengambil maklum cadangan pengecualian bayaran pelekat sebanyak RM50.00 memandangkan terdapat kakitangan di Seri Negeri menggunakan lebih dari sebuah kenderaan.

Keputusan

Unit Pentadbiran, JKPNM telah memanjangkan surat permohonan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, JKMM dan dimaklumkan bahawa bayaran pembelian pelekat kedua kenderaan adalah seperti berikut:

i. Pelekat Kenderaan RM10.00

ii. Pelekat RF5D RM50.00

Makluman

3.2 Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan Bagi Gred M44 di Bahagian Khidmat Pengurusan, JKPNM

3.2.1 Unit Pentadbiran, JKPNM telah memanjangkan surat permohonan ke Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JKMM bagi pengisian jawatan Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan), Gred M44 yang kosong di BKP, JKPNM berikutan kenaikan pangkat pegawai.

Keputusan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JKMM memaklumkan telah memanjangkan surat permohonan ke Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Makluman

3.3 Cadangan Pemberian Pingat Kepada Kakitangan JKPNM

3.3.1 Mesyuarat mengambil maklum dengan cadangan pihak pekerja untuk mengkaji semula kuota pemberian pingat tahunan yang sebelum ini kuota adalah seramai 10 orang.

Keputusan

Mesyuarat dimaklumkan permohonan tambahan kuota bagi pemberian pingat telah dipanjangkan ke Bahagian Khidmat Pengurusan, JKMM. Namun demikian, permohonan tersebut tidak dapat dipertimbangkan disebabkan pemberian pingat berdasarkan kuota dan peruntukan yang diluluskan.

Makluman

3.4 Permohonan Pengisian Kekosongan Jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) W22 di Unit Pengurusan Dana dan Terimaan

3.4.1 Unit Pentadbiraan JKPNM dipohon mengemukakan permohonan pengisian jawatan tersebut di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia BPSM, JKMM untuk pengisian di Bendahari Negeri.

Keputusan

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, JKMM telah mengadakan temuduga bagi pengisian W22 pada 10 Mac 2020. Perkara ini akan diangkat di dalam Mesyuarat Lembaga Kenaikan Pangkat, JKMM.

Makluman

3.5 Mesyuarat MBJ dan Lawatan EKSA Di Luar Negeri Melaka

3.5.1 Mesyuarat bersetuju mengadakan mesyuarat MBJ di luar negeri Melaka bersekali dengan lawatan EKSA ke Negeri Sembilan bagi bertukar-tukar pandangan mengenai usul-usul yang dibawa dalam mesyuarat serta pelaksanaan EKSA di Jabatan/ Agensi berkenaan.

Keputusan

Cadangan mengadakan mesyuarat MBJ di luar negeri Melaka dan lawatan EKSA perlu ditangguhkan sementara waktu berikutan penularan virus COVID-19. Perkara ini juga mengambil kira faktor kewangan Jabatan.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.0 USUL BARU

4.1 Cadangan Cuti Tanpa Rekod Secara Bergilir Susulan Perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 16 Mac 2020 Mengenai COVID -19

4.1.1 Berdasarkan perintah tersebut, penutupan taska/tadika/sekolah bermula pada 18 hingga 31 Mac 2020, mengakibatkan kesukaran pihak ibu bapa dalam menguruskan anak. Wakil Pekerja memohon untuk memberi cuti secara bergilir kepada staf sebagai contoh 2 hari cuti 1 hari bekerja mengikut unit, samada seorang staf yang tinggal atau 2 orang staff yang tinggal.

Keputusan

Pihak Pentadbiran, JKPNM telah mengeluarkan surat arahan bekerja secara bergilir dari pejabat dan rumah mengikut senarai nama dan jadual yang telah ditetapkan bagi setiap unit. Surat tersebut juga digunakan sebagai sokongan kepada staff sekiranya melalui sekatan jalanraya yang dilakukan oleh pihak berkuasa.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.2 Menyediakan Ruang/Bilik Khas Untuk Kakitangan Pembersihan *'Janitor'* Di Jabatan

4.2.1 Mencadangkan pihak Jabatan menyediakan bilik/ruang khas kepada kakitangan pembersihan memandangkan mereka tiada tempat untuk berehat dan makan. Kebiasaannya kakitangan tersebut berehat di tangga laluan kecemasan.

Keputusan

Unit Pentadbiran, JKPNM akan mempertimbangkan usul ini memandangkan ruang dan tempat di blok bentara yang terhad pada ketika ini.

Tindakan : Unit Pentadbiran

4.3 Pembelian Kereta Exora/Strarex Bagi Menampung Kapasiti Muatan Yang Ramai

4.3.1 Mencadangkan pembelian kenderaan jabatan jenis MPV bagi membawa kakitangan.yang ramai dalam satu kenderaan untuk menghadiri kursus/latihan/program.

Keputusan

Usul ini telah dibincangkan pada minit yang lepas di mana keputusannya adalah ditolak.

Makluman

4.4 Mohon Jabatan Sediakan Sarung Tangan Untuk Staff Sebagai Langkah bagi penularan Covid-19

4.4.1 Permohan ini sebagai langkah keselamatan kepada kakitangan.

Keputusan

Pengerusi memaklumkan bahawa langkah pencegahan bagi menangani wabak ini adalah mengikut garis panduan WHO dunia iaitu kerap membasuh tangan dan menggunakan *hand sanitizer*. Pada masa ini, Pentadbiran, JKPNM telah menyediakan *face mask* dan *hand sanitizer* bagi kegunaan kakitangan JKPNM di pejabat. Sehubungan itu, Jabatan ini membeli mengikut keperluan dan sarung tangan adalah keperluan tidak mendesak.

Makluman

5. HAL LAIN-LAIN

Tiada.

6. PENUTUP

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.00 petang dan Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua ahli yang hadir.

Disediakan oleh :

(ADNI FATEM BINTI ABD MALIK)
Setiausaha,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka
Tarikh : 25 Mac 2020

Disemak oleh :

(NORHASSANAH BINTI MOHAMMAD)
Setiausaha Bersama,
Majlis Bersama Jabatan (MBJ),
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan
Negeri Melaka
Tarikh : 25 Mac 2020